



ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM REALITI SEMASA

■

ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM REALITI SEMASA

Editor:

**Suhaida Abu Bakar
Muhammad Saiful Islami Mohd Taher
Siti Aisyah Yusof**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah
2021

ASAS KEFAHAMAN ISLAM DALAM
REALITI SEMASA

Ahmad Yumni Abu Bakar
Md Saufi Abdul Hamid
Mohd Muhaizam Md Ishak
Muhammad Saiful Islami Mohd Taher
Nik Liyana Mustapa@Nik Daud
Noor Hidayah Kasim
Siti Aisyah Yusof
Suhaida Abu Bakar

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan teknik sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik atau lain-lain cara sebelum mendapatkan keizinan daripada penerbit Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah.

Cetakan Pertama September 2018
Cetakan Kedua Oktober 2018
Cetakan Ketiga Mac 2019
Cetakan keempat 2021

Reka bentuk dan ilustrasi kulit:
Canva.com

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

Senarai Penulis Bab Dalam Buku Ini

Bab 1	Tasawwur Islam <i>Suhaida Abu Bakar</i> <i>Ahmad Yumni Abu Bakar</i>
Bab 2	Akidah Sejahtera Ummah Bahagia <i>Muhammad Saiful Islami Mohd Taher</i> <i>Mohd Muhaizam Md Ishak</i>
Bab 3	Indahnya Hidup Bersyariat <i>Noor Hidayah Kasim</i>
Bab 4	Ibadah Membina Insan Berkualiti <i>Md Saufi Abdul Hamid</i>
Bab 5	Akhlak Dalam Perkembangan Masyarakat Islam Kontemporari <i>Siti Aisyah Yusof</i> <i>Nik Liyana Mustapa@Nik Daud</i>

BAB 2

AKIDAH SEJAHTERA UMMAH BAHAGIA

Muhammad Saiful Islami Mohd Taher
Mohd Muhaizam Md Ishak

Objektif Pembelajaran

1. Menjelaskan pengertian akidah Islamiyyah, konsep makrifatullah dan syahadatain serta perkara-perkara yang merosakkan akidah.
2. Menjelaskan konsep kenabian dan kerasulan.
3. Menjelaskan hakikat beriman kepada perkara-perkara *ghaibiyyat* iaitu beriman kepada malaikat, hari Kiamat, serta Qada' dan Qadar.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, diharapkan pelajar akan dapat:

- Memahami akidah Islamiyyah, konsep makrifatullah dan syahadatain serta mengetahui perkara-perkara yang merosakkan akidah.
- Mengetahui konsep kenabian dan kerasulan.
- Mengetahui konsep beriman kepada perkara-perkara *ghaibiyyat* iaitu malaikat, hari Kiamat, Qada' dan Qadar.

2.0 PENDAHULUAN

Ulama' membahagikan agama Islam kepada tiga asas yang paling utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Begitu juga ilmu yang wajib dituntut oleh setiap orang Islam ialah ilmu tauhid yang berkaitan dengan akidah, ilmu fiqh yang berkaitan dengan syariah, dan ilmu tasawwuf yang berkaitan dengan akhlak. Bab ini akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan akidah Islamiyyah yang mesti diketahui oleh setiap mukallaf dengan jelas.



2.1 AKIDAH ISLAM

2.1.1 Pengertian Akidah Dari Segi Bahasa

Sebelum kita menyelami ilmu akidah dengan lebih mendalam, sewajarnya kita mengetahui definisi ilmu akidah untuk memahami hakikatnya. Akidah dapat ditakrifkan dari segi bahasa dan istilah (Ab. Latif B. Muda dan Rosmawati Ali@Mat Zin, 1998).

Akidah dari segi bahasa mempunyai beberapa maksud antaranya ialah:

- i- Perkataan akidah berasal dari kata kerja '*aqada*' yang bermaksud simpul atau ikat.
- ii- Perkataan akidah juga dikaitkan dengan jual beli, contohnya "*aqada al-bay*" yang bermaksud melakukan ikatan kontrak jual beli.
- iii- Ia juga dapat dikaitkan dengan perjanjian, contohnya "*aqada al-yamin*" yang bermaksud melakukan ikatan perjanjian.
- iv- Ia juga bermaksud kepercayaan seperti percaya adanya Allah dan pengutusan rasul.

2.1.2 Pengertian Akidah Dari Segi Istilah

Pengertian Akidah dari sudut istilah oleh beberapa sarjana Islam:

- i- Menurut Imam al-Ghazali, akidah dapat ditakrifkan sebagai berpegang dan membenarkan di dalam hati secara yakin dan pasti tanpa sebarang keraguan dan syak.

- ii- Menurut al-Fairuz Abadi, akidah ialah sesuatu yang diikat dan disimpul di dalam hati dan jiwa serta apa yang dipegang oleh seseorang sebagai agama dengan pegangan yang benar dan selamat dari sebarang keraguan.
- iii- Menurut Syeikh Murtada al-Zabidi, akidah ialah apa yang dipegang oleh seseorang dengan yakin sebagai pegangan agama dan ia bersemi di dalam hati dan jiwa.

Berdasarkan takrif akidah di atas, dapat disimpulkan beberapa ciri dan keistimewaan akidah seperti berikut:

- i- Akidah merupakan satu bentuk hubungan hati dan jiwa yang kuat antara makhluk dan penciptanya.
- ii- Akidah Islamiyyah datang dari sumber yang paling diyakini iaitu al-Qur'an dan Sunnah.
- iii- Unsur terpenting dalam akidah ialah perasaan ikhlas dan rela hati. Hal ini kerana Islam tidak memaksa penganut agama lain untuk memeluk Islam. Firman Allah SWT:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ
 اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ٢٥٦

Maksudnya: “Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

(Surah al-Baqarah (2) : 256)

- iv- Akidah Islamiyyah adalah tetap benar dan pasti walau di mana dan dalam apa jua keadaan.
- v- Perkataan akidah hanya sesuai digunakan untuk pegangan dan kepercayaan yang berbentuk keagamaan, khususnya agama Islam. Hal ini kerana akidah memberi erti suatu kepercayaan yang diikat dan disimpul yang berkaitan dengan hal-hal ketuhanan, kenabian dan *sam'iyyat* (perkara-perkara ghaib).

Akidah Islamiyyah terdiri dari enam rukun utama yang juga dikenali sebagai rukun iman. Enam rukun tersebut ialah:

1. Beriman kepada Allah SWT

Wajib ke atas setiap mukallaf mengetahui perkara-perkara yang wajib, mustahil dan harus di sisi Allah secara *ijmal* (umum) dan *tafsil* (terperinci).

Secara *ijmal*, wajib kita beri'tiqad bahawa Allah bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan maha suci Ia dari sifat kekurangan. Harus bagi Allah membuat apa yang dikehendaki atau meninggalkannya. Secara *tafsil*, wajib kita mengetahui perkara-perkara yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah.

2. Beriman kepada malaikat

Wajib kita beriman dengan kewujudan para malaikat. Malaikat ialah makhluk Allah yang berjisim halus yang dijadikan dari cahaya. Mereka adalah makhluk yang berakal lagi berilmu dan mempunyai kekuatan yang luar biasa.

Malaikat tidak bersifat dengan sifat lelaki atau perempuan, tidak makan, tidak minum, tidak tidur dan tidak mempunyai nafsu syahwat. Malaikat ialah hamba-hamba Allah yang sangat mulia. Bilangan malaikat sangatlah banyak dan masing-masing mempunyai tugas yang tersendiri.

3. Beriman kepada kitab-kitab

Wajib ke atas setiap mukallaf beri'tiqad bahawa Allah menurunkan wahyu kepada nabi dan rasul dengan kitab-kitab yang penuh dengan petunjuk dan pedoman untuk manusia, ilmu, hikmah, hukum-hakam, kisah-kisah dan sebagainya. Terdapat empat kitab yang wajib diketahui iaitu Taurat, Zabur, Injil dan al-Qur'an.

4. Beriman kepada rasul-rasul

Wajib kita beriman bahawa nabi dan rasul diutuskan oleh Allah SWT untuk menyampaikan wahyu dan menyeru manusia kepada menyembah Allah dan tidak mensyirikkanNya. Para nabi dan rasul adalah maksum yakni terpelihara dari melakukan dosa. Nabi dan rasul terakhir yang diutuskan ialah Nabi kita Muhammad SAW dan baginda merupakan semulia-mulia makhluk di sisi Allah SWT.

5. Beriman kepada hari kiamat

Wajib kita beriman dengan yakin bahawa hari kiamat pasti akan berlaku. Ia bukanlah dongengan. Hari kiamat bermula dengan tiupan sangkakala yang kedua yang membangkitkan kembali segala yang mati. Kerana itulah hari kiamat juga dikenali sebagai hari kebangkitan. Manusia akan dihimpunkan di Padang Mahsyar kesemuanya untuk menanti penghisaban Allah SWT.

6. Beriman kepada qada' dan qadar

Beriman kepada qada' dan qadar bererti seseorang itu wajib yakin dan percaya bahawa segala yang berlaku di alam ini sama ada yang disukai atau tidak disukai, baik atau buruk, sihat atau sakit, berjaya atau gagal dan sebagainya, semuanya telah tertulis pada azali dan telah diketahui oleh Allah sejak azali lagi.

Keenam-enam rukun iman ini dibahagikan pula perbincangannya oleh ulama' kepada tiga bahagian iaitu (Abu al-Baqir al-Burhami al-Fathani, 2005):

1. *Ilahiyyat* : membincangkan perkara ketuhanan.
2. *Nubuwwat* : membincangkan perkara kenabian.
3. *Sam'iyat/ghaibiyat* : membincangkan perkara-perkara ghaib.

2.2 MAKRFATULLAH

Makrifatullah bermaksud mengenal Allah sebagai Tuhan yang selayaknya disembah dan ditaati perintahNya serta dijauhi laranganNya. Kata ulama' tauhid: "Permulaan agama itu mengenal Allah".

Ilmu tauhid ditakrifkan sebagai ilmu yang menyatakan keesaan Allah. Mempelajari ilmu tauhid adalah satu kewajipan ke atas setiap mukallaf tanpa terkecuali. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menunjukkan kewajipan ini, antaranya firman Allah yang bermaksud:

"Allah telah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil dan bukti) bahawasanya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang sentiasa mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan; dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian), bahawa tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana".

(Surah Ali 'Imran (3) : 18)

Cara untuk mengenal Allah SWT adalah dengan mempelajari dan mendalami ilmu tauhid berdasarkan manhaj akidah Ahli Sunnah wal Jama'ah yang telah disusun oleh dua orang imam agung iaitu Syeikh Abu Hasan al-Asy'ari dan Syeikh Abu Mansur al-Maturidi berdasarkan pegangan Rasulullah SAW dan para sahabat.

Makrifatullah merupakan asas keimanan dan ketaqwaan kepada Allah sebagai tuhan yang menciptakan alam ini. Ia merupakan wasilah tauhid yang menjadi hak Allah terhadap hamba-hambaNya. Ulama' tauhid berkata lagi: "Tidak sah ibadat yang dilakukan tanpa mengenal tuhan yang disembah". Hal ini kerana tauhid merupakan asas bagi segala amalan dan syarat utama agar sesuatu amalan diterima. Sesiapa yang beramal tanpa asas tauhid ini, segala amalan yang dilakukannya tidak akan diterima oleh Allah. Makrifatullah yang benar akan mewariskan kepada seseorang hamba itu dengan ketenangan dan keredhaan, dan juga dapat meraih kecintaan Allah terhadap hamba tersebut.

Menurut Raja Ahmad Mukhlis (2009), jenis-jenis makrifatullah adalah seperti berikut:

- Pertama : *al-Ma'rifah al-Haqiqiyah*
Iaitu ilmu pengetahuan Allah tentang diriNya.
- Kedua : *al-Ma'rifah al-'Ainiyyah*
Iaitu makrifah (pengetahuan) ahli syurga tentang Allah setelah melihat Allah dengan mata mereka.
- Ketiga : *al-Ma'rifah al-Kasyfiyyah*
Iaitu pengenalan para wali tentang Allah dengan penyaksian mata hati mereka di dunia. Ia adalah anugerah daripada Allah. Ia adalah perbincangan dalam ilmu tasawwuf.
- Keempat : *al-Ma'rifah al-Burhaniyyah*
Mengenal Allah dengan bukti dan dalil secara akal. Inilah jenis pengenalan yang dibahaskan dalam ilmu akidah.

Terdapat beberapa cara untuk memperolehi makrifatullah antaranya dengan:

1. Bertafakkur pada ciptaan Allah di alam ini.

Firman Allah yang bermaksud:

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. Iaitu orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk, dan semasa mereka berbaring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi..."

(Surah Ali 'Imran (3) : 191-192)

2. Mentadabbur ayat-ayat suci al-Qur'an dengan berusaha memahami maknanya dan melaksanakan tuntutan-tuntutannya.

Firman Allah yang bermaksud:

"Patutkah mereka bersikap demikian yakni tidak mahu memikirkan isi al-Qur'an? Kalaulah al-Qur'an itu datangnya bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya".

(Surah al-Nisa' (4) : 82)

3. Mengenal Allah dengan dengan mengetahui nama-namaNya (*Asma'ul Husna*) dan mengenal sifat-sifatNya. Adapun mengenal zat Allah tidak termasuk dalam perkara yang wajib diketahui. Tidak ada seorang pun yang mampu mengetahui hakikat zat Allah secara mutlak kecuali Allah sahaja. Hal ini disebabkan

mustahil bagi akal manusia yang lemah untuk mengenal zat Allah yang Maha Tinggi dan tidak sama dengan makhluk (Dr. Akli Ahmad, 2015). Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Janganlah kamu berfikir tentang zat Allah, berfikirlah tentang ciptaan Allah”.

(Riwayat Abu Nu’aim)

4. Selain makrifatullah secara ilmiah seperti di atas, terdapat juga makrifatullah secara *zauqiyyah* (rasa) yang diperolehi oleh seseorang dengan cara membersihkan hatinya daripada kotoran nafsu dan kecintaan kepada dunia dengan amalan-amalan kerohanian berupa zikrullah dan selawat, kemudian menghiaskan hatinya dengan sepenuh kecintaan kepada Allah dan Rasul, lalu Allah SWT pun mengurniakan limpahan makrifah rabbaniyyah dan kemanisan iman kepada hatinya yang telah suci. Makrifah seperti ini dikurniakan Allah kepada ahli sufi hasil dari mujahadah dan *tazkiyyah* ruh mereka.

2.2.1 Dalil ‘Aqli Dan Dalil Naqli

Terdapat dua jenis dalil yang biasa digunakan oleh para ulama’ untuk membuktikan bahawa pencipta alam ini dan segala isinya, yang hanya berhak disembah iaitulah Allah; iaitu dalil ‘aqli dan dalil naqli.

Dalil ‘aqli bermaksud dalil yang berhujah dengan menggunakan logik akal contohnya adanya alam semesta ini menunjukkan adanya pencipta iaitulah Allah SWT.

Dalil naqli pula bermaksud dalil yang merujuk kepada ayat-ayat al-Qur’an dan hadis Nabi SAW. Contoh dalil naqli bagi sifat *wahdaniyyah* (Esa) bagi Allah SWT ialah firman Allah dalam al-Qur’an (Syeikh Nawawi al-Bantani, 1996; Syeikh Ibrahim al-Laqqoni, 2000; Muhadir Haji Joll, 2018):

“Dan tuhan kamu adalah tuhan yang Maha Esa, tiada tuhan melainkan Dia, tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani”.

(Surah al-Baqarah (2) : 163)

Kedua-dua jenis dalil ini digunakan oleh para ulama’ tauhid dalam penulisan kitab-kitab mereka.

Kesimpulannya, setiap mukallaf wajib mengetahui dalil untuk setiap sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah supaya tidak termasuk dalam kalangan orang yang bertaqlid (*muqallid*). *Muqallid* ialah orang yang mengikut atau menerima pendapat orang lain secara yakin tanpa mengetahui dalilnya. Menurut pendapat yang sah, iman orang *muqallid* adalah sah namun berdosa jika dia mampu untuk mengkaji dan mencari dalil mengenal Allah. Tambahan pula, iman orang *muqallid* sentiasa dalam keadaan bahaya, berada dalam keraguan dan dibimbangi boleh berubah (Dr. Akli Ahmad, 2015; Muhadir Haji Joll, 2018).

2.3 KONSEP SYAHADATAIN

Rukun Islam merupakan asas-asas terpenting yang dibina atasnya agama Islam ini. Ia terdiri dari lima kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh setiap muslim. Sabda Rasulullah SAW berkenaan Rukun Islam ini, maksudnya:

“Dibina Islam atas lima perkara; mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah sekiranya mampu”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Menurut ulama', dalam hadis ini Rasulullah SAW menerangkan kepada umatnya tentang hakikat agama Islam dan lima rukunnya yang paling utama. Namun demikian, agama Islam tidaklah terhad kepada lima rukun ini semata-mata sebaliknya ajaran agama ini mengandungi pelbagai amalan dan perbuatan kebaikan yang boleh dilakukan oleh umatnya. Baginda SAW menyebutkan kelima-lima rukun Islam ini kerana ia diumpamakan seperti tiang, sedangkan Islam sebagai binaannya. Sesuatu binaan tidak akan tertegak atau mungkin runtuh tanpa tiang. Barangsiapa yang beriltizam melaksanakan Rukun Islam yang lima ini, maka ia menjadi seorang muslim yang baik dan patuh kepada Tuhannya.

2.3.1 Pengertian Syahadatain Dan Tuntutannya

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Syahadatain bermaksud penyaksian oleh seseorang dengan ilmu dan iktikad yang putus, yakin dan teguh (*jazam*) terhadap dua elemen paling asas iaitu tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah utusan Allah. Apabila ditanya oleh malaikat Jibril tentang Islam, baginda SAW bersabda yang bermaksud:

“Islam itu ialah kamu bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah...”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dengan beriman dan menuturkan kedua-dua kalimah syahadah ini barulah seseorang itu dikira sebagai seorang Islam. Jika salah satu elemen syahadah ini dinafikan, maka tidak sah keIslaman seseorang itu.

Penyaksian **“tiada tuhan melainkan Allah”** bermaksud beriman dengan hati dan berikrar dengan lidah bahawasanya tiada tuhan yang sebenar-benarnya berhak disembah melainkan Allah, maka sesuatu selain Allah adalah tidak layak disembah. Jika ada sesuatu yang lain disembah, maka ia adalah sembah yang batil.

Penyaksian ini menghendaki seseorang hamba untuk melaksanakan dua perkara iaitu:

- i. Menafikan ketuhanan pada sesuatu selain Allah.
- ii. Menetapkan ketuhanan hanya pada Allah semata-mata.

Terdapat tujuh tuntutan kalimah *La ilaha illallah* ini pada orang yang menuturkannya iaitu:

- i. Ilmu
Seseorang itu mestilah mengetahui makna kalimah *La ilaha illallah*.
- ii. Yakin
Seseorang itu mestilah yakin dengan kalimah tersebut tanpa syak.
- iii. Penerimaan
Seseorang itu mestilah menerima kalimah tersebut dengan hatinya dan lidahnya, tidak menolak apa jua yang datang dari Allah dan Rasul.
- iv. Kepatuhan
Seseorang itu mestilah patuh dalam melaksanakan perintah Allah dengan perbuatan anggota tubuhnya.
- v. Membenarkan
Seseorang itu mestilah membenarkan kalimah tersebut dengan hatinya tanpa mendustakannya.
- vi. Ikhlas
Seseorang itu mestilah membersihkan segala amalannya daripada syirik kepada Allah sama ada syirik *jaliy* ataupun syirik *khafiy*.
- vii. Cinta
Seseorang itu mestilah mendahulukan kecintaan kepada Allah dan Rasul lebih daripada segala-gala yang lain, mencintai apa yang dicintai Allah dan tidak mencintai apa yang dibenci oleh Allah.

Penyaksian "*Nabi Muhammad utusan Allah*" pula bermaksud beriman dengan hati dan berikrar dengan lidah bahawasanya Nabi Muhammad SAW adalah nabi terakhir dan rasul yang diutuskan oleh Allah kepada seluruh umat manusia dan jin, yang membawa ajaran Islam dari Allah. Baginda SAW sahajalah yang mesti diikuti bagi mencapai keredhaan dan kecintaan Allah SWT. Firman Allah yang bermaksud:

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan ingatlah Allah amat pengampun lagi amat mengasihani".

(Surah Ali 'Imran (3): 31)

Bagi merealisasikan tuntutan penyaksian *Muhammadur Rasulullah* ini, seseorang muslim perlu melaksanakan tujuh perkara seperti berikut:

- i. Mengetahui dan mengikuti sunnah-sunnah Rasulullah SAW.
- ii. Mencintai Rasulullah SAW melebihi dirinya dan semua orang lain.
- iii. Membenarkan apa jua yang dikhabarkan oleh baginda SAW.
- iv. Mentaati Rasulullah SAW.
- v. Beribadah kepada Allah sebagaimana yang diajarkan dan ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.
- vi. Beriman bahawa Rasulullah SAW ialah semulia-mulia makhluk di sisi Allah dan yang paling dikasihiNya.
- vii. Beriman bahawa Rasulullah SAW merupakan nabi yang terakhir diutuskan Allah.

2.4 PERKARA-PERKARA YANG MEROSAKKAN AKIDAH

Akidah merupakan anugerah Allah yang sangat berharga kepada kita. Oleh yang demikian, wajib kita menjaganya dari tercemar atau terkeluar dari agama ini, *wal 'iyazu billah*. Menurut ulama' tauhid, akidah seseorang Muslim boleh rosak dan menjadi murtad sekiranya melakukan hal-hal seperti berikut (K.H. Sirajuddin Abbas, 1978):

- a) Dari segi i'tiqad:
 1. Syak (ragu-ragu) atas adanya Tuhan.
 2. Syak kerasulan Nabi Muhammad SAW.
 3. Syak bahawa al-Qur'an itu wahyu Tuhan.
 4. Syak bahawa adanya hari kiamat, hari akhirat, syurga, neraka dan sebagainya.
 5. Syak bahawa Nabi Muhammad SAW mengalami *Isra'* dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjidil Aqsa (Baitul Maqdis) dengan roh dan jasad.
 6. Beri'tiqad bahawa Tuhan tidak mempunyai sifat seperti *qidam, baqa'*, ilmu dan sebagainya.
 7. Menghalalkan pekerjaan yang telah sepakat ulama' Islam mengharamkannya umpamanya meyakini zina dibolehkan untuknya.
 8. Mengharamkan pekerjaan yang telah sepakat ulama' Islam menghalalkannya umpamanya berkahwin haram baginya.
 9. Menidakkan suatu amalan ibadah yang telah sepakat ulama' Islam mewajibkannya seperti solat fardhu, puasa Ramadhan, zakat dan sebagainya.
 10. Mengingkari persahabatan sahabat-sahabat Nabi yang utama seperti Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar dan lain-lain.
 11. Mengingkari sepotong atau seluruh ayat al-Qur'an atau menambah sepotong ayat al-Qur'an dengan tujuan menjadikan al-Qur'an itu cacat.
 12. Mengingkari salah seorang rasul yang telah sepakat ulama' Islam mengatakannya rasul.

13. Mendustakan rasul.
14. Beri'itiqad bahawa ada nabi selepas Nabi Muhammad SAW.
15. Mendakwa jadi nabi atau rasul selepas Nabi Muhammad SAW.

b) Dari segi amalan:

1. Sujud kepada berhala, matahari, bulan atau lain-lain.
2. Sujud kepada manusia secara sukarela.
3. Menghina nabi atau rasul dengan lisan atau perbuatan.
4. Menghina kitab-kitab suci dengan lisan atau perbuatan.
5. Mengejek agama atau Tuhan dengan lisan atau perbuatan.

c) Dari segi perkataan:

1. Mengucapkan "Hai kafir" kepada orang Islam.
2. Mengejek atau menghina nama Tuhan.
3. Mengejek hari akhirat, syurga dan neraka.
4. Mengejek mana-mana syariat dalam agama ini seperti solat, puasa, zakat, wukuf di Arafah, tawaf keliling Kaabah dan sebagainya.
5. Mengejek malaikat, nabi, rasul, Nabi Muhammad SAW dan ahli keluarga baginda.


2.5 NUBUWWAH

Allah SWT menjadikan manusia ini dengan tujuan untuk beribadah kepadaNya semata-mata. Firman Allah yang bermaksud:

"Dan tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembahKu".

(Surah al-Dzariyat (51) : 56)

Justeru, muncul persoalan bagaimanakah caranya manusia hendak melaksanakan ibadah kepada Allah? Siapakah yang akan menjadi panduan dan ikutan manusia untuk beribadah? Bagaimanakah hendak beribadah dengan tepat? Oleh yang demikian, Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang terhadap hamba-hambaNya tidak membiarkan mereka teraba-raba mencari pedoman dan petunjuk, lalu Allah memilih dan melantik para nabi dan rasul dalam kalangan manusia untuk menyampaikan wahyu Ilahi dan membawa manusia kepada hidayah Allah yang sebenar-benarnya.



2.5.1 Perutusan Para Rasul

Terdapat dua istilah yang perlu difahami dengan jelas apabila membahaskan tajuk nubuwwah dan risalah ini iaitu istilah nabi dan rasul.

Nabi ialah manusia lelaki yang diwahyukan oleh Allah kepadanya dengan syarak dan tidak mesti disuruh menyampaikan kepada umatnya. Rasul pula ialah seorang lelaki yang diwahyukan oleh Allah kepadanya dengan syarak dan disuruh menyampaikan kepada umatnya. Ada juga nabi atau rasul yang menggunakan syarak atau kitab nabi sebelumnya. Oleh itu, nabi tersebut menjadi penerus kesinambungan kepada nabi yang sebelumnya itu.

Seorang nabi tidak semestinya menjadi rasul akan tetapi seorang rasul mestilah nabi. Nabi dan rasul mestilah dari kalangan orang yang lebih sempurna sifatnya dalam kalangan manusia. Tiada nabi dan rasul dari golongan jin ataupun malaikat, perempuan ataupun hamba. Setiap nabi dan rasul adalah dari kalangan lelaki yang merdeka, sempurna akal, ilmunya, kejadiannya dan perangnya kerana mereka bukan sekadar menyampaikan wahyu semata-mata, tetapi mereka juga merupakan contoh ikutan kepada umat manusia. Hal ini kerana nabi dan rasul merupakan orang yang paling terbaik pada zaman mereka. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) pada hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.

(Surah al-Ahzab (33) : 21)

Menjadi nabi atau rasul adalah merupakan semata-mata kurniaan dan pilihan oleh Allah. Martabat kenabian dan kerasulan tidak dicapai dengan usaha dan ikhtiar seseorang, bukan dengan beribadat, berdoa, bertapa dan sebagainya. Ia adalah kurniaan mutlak dari Allah kepada sesiapa yang dikehendaki dari kalangan hamba-hambanya.

Para nabi dan rasul merupakan wasilah perantara antara hamba dengan Tuhannya. Mereka menjadi utusan Allah yang diutuskan sebagai sebab dan wasilah untuk mendapatkan hidayah. Kalimah rasul itu sendiri bermakna utusan atau perantara yang menyampaikan wahyu dari Tuhan. Oleh itu, pendapat yang mengatakan tiada

perantara antara Allah dan hamba-hambanya adalah tidak benar. Hal ini kerana tidak sah syahadah yang dilafazkan jika seseorang itu mengingkari rasul sebagai utusan atau perantara yang ditugaskan untuk menyampaikan wahyu. Allah SWT boleh saja memberikan hidayah kepada hamba-hambanya tanpa mengutuskan rasul akan tetapi oleh kerana hikmah-hikmah tertentu, maka Allah menjadikan para rasul sebagai sebab hidayah.

Setiap orang Islam yang mukallaf wajib beriman dan meyakini kewujudan para nabi dan rasul serta meyakini kebenaran mereka. Berkenaan jumlah bilangan nabi dan rasul, ada ulama' yang menyatakan bilangan mereka adalah seramai 124 ribu orang bermula dengan Nabi Adam a.s sebagai nabi dan rasul yang pertama hinggalah berakhir dengan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi dan rasul yang terakhir. Dari jumlah tersebut, bilangan rasul adalah seramai 313 orang atau 314 orang menurut satu riwayat yang lain.

Setiap mukallaf wajib mengetahui 25 orang sahaja dari jumlah tersebut. Mereka ialah Sayyidina Adam, Idris, Nuh, Hud, Soleh, Ibrahim, Luth, Ismail, Ishaq, Ya'qub, Yusuf, Ayyub, Syu'aib, Musa, Harun, Zulkifli, Dawud, Sulaiman, Ilyas, Ilyasa', Yunus, Zakariyya, Yahya, 'Isa dan diakhiri dengan pengutusan Sayyidina Muhammad SAW.

Darjat para nabi dan rasul tidak sama antara satu sama lain sebagaimana yang disebut dalam al-Qur'an. Di kalangan mereka ada yang mempunyai kelebihan-kelebihan yang dikurniakan Allah berbanding nabi dan rasul yang lain. Berkenaan perkara ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Rasul-rasul itu Kami lebihkan sebahagian dari mereka atas sebahagian yang lain, antara mereka itu ada yang Allah berkata-kata langsung dengannya dan sebahagiannya Allah meninggikannya beberapa darjat".

(Surah al-Baqarah (2) : 253)

Daripada 25 orang rasul ini, terdapat 5 orang rasul yang mempunyai keteguhan semangat dan kesabaran yang sangat tinggi dalam menghadapi segala cubaan dan tentangan dari kaumnya melebihi para nabi dan rasul yang lain. Perjuangan dakwah mereka penuh dengan ujian yang sukar dan getir. Rasul-rasul ini digelar Ulul 'Azmi. Mereka ialah:

- 1- Nabi Muhammad SAW
- 2- Nabi Nuh a.s
- 3- Nabi Ibrahim a.s
- 4- Nabi Musa a.s
- 5- Nabi 'Isa a.s

Sebagai utusan Allah, setiap nabi dan rasul memiliki empat sifat yang wajib ini iaitu:

1. Benar (الصدق)

Wajib kita sebagai orang Islam beriman bahawa para nabi dan rasul bersifat dengan benar. Mereka bersifat benar dalam segala perkara sama ada perkataan, perbuatan dan segala gerak diam. Antara tanda kebenaran para nabi dan rasul

ialah mereka dikurniakan pelbagai mukjizat sebagai bukti pengakuan Allah atas kebenaran mereka.

2. Amanah (الأمانة)

Wajib beriman bahawa para nabi dan rasul bersifat amanah. Amanah bermaksud segala anggota mereka zahir dan batin adalah terpelihara dari segala perkara yang ditegah oleh Allah sama ada perkara tersebut haram, makruh atau *khilaf auala*. Hal ini seerti dengan sifat mereka yang maksum sejak dilahirkan hinggalah wafat.

3. Menyampaikan apa yang disuruh sampaikan (تبلغ ما أمروا بتبليغه)

Wajib beriman bahawa para nabi dan rasul tidak pernah menyembunyikan apa yang Allah SWT suruh sampaikan kepada hamba-hambanya, sama ada untuk umum seluruh hamba Allah yang terdiri dari manusia dan jin, mahupun hamba-hambanya yang tertentu.

4. Bijaksana (الفتانة)

Wajib beriman bahawa para nabi dan rasul bersifat bijaksana. Mereka tidak bodoh, lalai atau nyanyuk. Para nabi dan rasul semestinya bersifat bijaksana untuk mengalahkan hujah-hujah dan dakwaan batil musuh-musuh Allah.

Sifat-sifat mustahil bagi para nabi dan rasul pula ada empat iaitu:

1. Berdusta
2. Khianat
3. Menyembunyikan apa yang disuruh sampaikan
4. Bodoh.

Nabi dan rasul adalah dari kalangan manusia. Namun demikian, mereka bukanlah manusia biasa seperti kita. Manakan sama antara batu permata dengan batu kerikil!. Para nabi dan rasul adalah manusia yang luar biasa lebih-lebih lagi Nabi Muhammad SAW yang merupakan penghulu segala nabi dan rasul. Hal ini ditunjukkan oleh Allah kepada kita dalam mukjizat peristiwa Isra' dan Mikraj, bagaimana Allah memperjalankan baginda dalam masa tidak sampai satu malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa, kemudian baginda naik melewati tujuh lapis langit sehingga baginda menerima perintah solat fardhu lima waktu dari Allah. Semua yang berlaku terhadap baginda merupakan dalil terbesar bahawa nabi dan rasul merupakan manusia yang sangat luar biasa dan sangat mulia di sisi Allah SWT.

Para nabi dan rasul harus bersifat dengan sifat-sifat kemanusiaan yang tidak menafikan ketinggian martabat kenabian dan kerasulan mereka. Contoh sifat kemanusiaan yang harus adalah seperti sakit, lapar, miskin, makan, minum, tidur, berkahwin dan sebagainya. Antara hikmah di sebalik sifat harus bagi para nabi dan rasul seperti berikut:

- i- Supaya menjadi contoh kepada umat manusia dalam menghadapi kehidupan ini.

- ii- Untuk mensyariatkan hukum-hukum Allah dalam pelbagai keadaan yang berbeza.
- iii- Untuk meninggikan lagi martabat dan menggandakan pahala bagi mereka.
- iv- Untuk menunjukkan bahawa Allah Maha Berkuasa secara mutlak. Allah berkuasa menjadikan sesiapa sahaja sakit meskipun orang itu nabi atau rasul.

Umat Islam juga mesti meyakini bahawa para nabi dan rasul adalah dari keturunan yang terhormat, mulia dan disegani oleh masyarakat. Para nabi dan rasul dimuliakan Allah dengan memiliki paras rupa dan bentuk badan yang sempurna, tidak mempunyai kekurangan atau kecacatan. Para nabi dan rasul merupakan manusia yang paling cantik dan paling berakhlak mulia pada zamannya.

2.5.2 Penurunan Wahyu

Setiap orang Islam wajib mempercayai bahawa Allah menurunkan wahyu kepada para nabi dan rasul dengan kitab-kitab yang penuh dengan petunjuk dan pedoman kepada manusia. Wahyu yang diturunkan oleh Allah ini merupakan mukjizat untuk para nabi dan rasul. Ulama' mentakrifkan mukjizat sebagai suatu perkara yang menyalahi adat yang zahir yang berlaku kepada nabi dan rasul sebagai bukti kebenaran mereka. Lazimnya mukjizat berlaku apabila nabi atau rasul dicabar atau diminta mengemukakan bukti kenabian dan kerasulan mereka. Contoh mukjizat seperti al-Qur'an yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, api tidak dapat membakar Nabi Ibrahim a.s, Nabi Musa boleh membelah lautan dengan tongkat dan sebagainya.

Sebagaimana dimaklumi, al-Qur'an merupakan mukjizat wahyu yang teragung diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantara malaikat Jibril a.s. Kitab suci terakhir ini apabila dibaca menjadi ibadah, ia bermula dengan surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah al-Nas. Al-Qur'an diperturunkan generasi demi generasi secara mutawatir. Proses penurunan wahyu al-Qur'an mengambil masa hampir 23 tahun. Kitab al-Qur'an dijamin terpelihara oleh Allah selama-lamanya dari diselewengkan. Adapun kitab-kitab samawi yang lain seperti Taurat, Zabur dan Injil, maka ia sudah tidak asli lagi sebagaimana diturunkan setelah diselewengkan oleh para pendeta pada zaman dahulu. Firman Allah SWT berkenaan pemeliharaan al-Qur'an yang maksudnya:

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan peringatan (al-Qur'an) dan sesungguhnya Kami pasti memeliharanya (daripada kepalsuan)".

(Surah al-Hijr (15): 9)

Apa jua yang dituturkan oleh Nabi Muhammad SAW, maka ia adalah wahyu yang benar dari Allah. Mengenai hal ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Dan tidaklah baginda bertutur dari hawa nafsunya, sebaliknya ia adalah wahyu yang diturunkan".

(Surah al-Najm (53) : 3-4)

Al-Qur'an sebagai mukjizat wahyu mempunyai pelbagai keistimewaan yang tersendiri antaranya ialah:

1. Al-Qur'an menasakhkan segala kitab terdahulu.
2. Isi kandungannya sesuai untuk semua bangsa tanpa mengira warna kulit dan bahasa serta sesuai dalam semua keadaan dan tempat. Ia kekal hingga ke akhir zaman. Kitab-kitab sebelumnya hanya sesuai untuk zaman, umat dan suasana semasa ia diturunkan sahaja.
3. Tidak jemu membaca atau mendengarnya. Ia juga mudah dihafaz sekalipun oleh kanak-kanak.
4. Al-Qur'an mengandungi ilmu zahir dan batin, ilmu dunia dan akhirat. Isi kandungan al-Qur'an sudah mencakupi kandungan kitab-kitab terdahulu.
5. Al-Qur'an menceritakan kisah-kisah yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku. Kesemuanya adalah benar dan terbukti kebenarannya.

2.5.3 Signifikan Perutusan Rasul

Setiap muslim wajib beriman dengan para nabi dan rasul serta yakin dengan sesungguhnya bahawa apa yang disampaikan oleh para nabi dan rasul adalah benar dan betul. Keyakinan terhadap para nabi dan rasul mestilah keyakinan yang mutlak, penuh dengan penyerahan dan *jazam* (100%), barulah keyakinan dan keimanan ini diterima oleh Allah SWT. Maka wajib bagi setiap orang Islam untuk menjaga iman ini dari sebarang perkara yang boleh melemahkan atau merosakkannya. Suburkanlah iman ini dengan sentiasa mempelajari ilmu agama fardhu 'ain dengan para ulama', istiqamah melaksanakan ibadah-ibadah yang difardhukan di samping memperbanyakkan amalan sunat seperti berzikir, berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW, membaca dan mentadabbur al-Qur'an dan lain-lain ibadah sunat/*nawafil*.

Antara signifikan perutusan dakwah para rasul adalah seperti berikut (Haji Abdul Hadi bin Awang, 1989):

1. Dakwah yang bersifat rabbaniyyah.

Dakwah yang dibawa oleh para rasul merupakan wahyu dan taklif dari Allah SWT, bukannya dari kehendak mereka semata-mata atau hasil pemikiran dan pembacaan mereka. Para rasul menyatakan ucapan yang sama seperti yang dirakamkan oleh Allah dalam al-Qur'an, maksudnya:

"...aku tidak melakukan sesuatu melainkan menurut apa yang diwahyukan kepadaku, dan aku tidak lain hanyalah seorang rasul pemberi amaran yang jelas nyata".

(Surah al-Ahqaf (46): 9)

2. Para rasul tidak mengambil atau meminta upah.

Rasul-rasul dalam menyampaikan agama Allah tidak meminta upah atau imbalan atas tugas dakwah, mereka hanyalah menjunjung tinggi perintah Allah yang diamanahkan di pundak mereka dan mengharapkan ganjaran dan keredhaan Allah jua. Firman Allah yang bermaksud:

“Wahai kaumku! Tiadalah aku meminta sebarang upah daripada kamu tentang (ajaran yang aku sampaikan) itu. Upahku hanyalah dari Allah yang menciptakan daku; maka mengapa kamu tidak mahu menggunakan akal (untuk mengetahui kebenaran)?”.

(Surah Hud (11): 51)

3. Mengikhhlaskan *ad-deen* hanya kepada Allah.

Matlamat paling utama dalam dakwah semua nabi dan rasul sepanjang zaman ialah agar manusia hanya mengabdikan dirinya kepada Allah dan mengikut agama Allah semata-mata, di samping melarang pengabdian sesama makhluk ataupun berpegang kepada agama ciptaan manusia yang sudah tentu lemah dan serba kekurangan serta tidak memenuhi fitrah manusia. Firman Allah yang bermaksud:

“Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadah kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid, dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar”.

(Surah al-Bayyinah (98): 5)

4. Membawa ajaran yang mudah dan tidak memberatkan.

Para rasul membawa ajaran yang sesuai dengan fitrah manusia, berucap sesuai dengan kemampuan akal mereka. Manusia tidak dibebankan dengan sesuatu taklif yang tidak mampu dilaksanakan atau ucapan yang tidak difahami. Para rasul menyampaikan agama Allah dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik ...”.

(Surah al-Nahl (16): 125)

Firman Allah yang bermaksud:

“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya ...”.

(Surah al-Baqarah (2) : 286)

5. Dakwah yang mempunyai matlamat jelas dan nyata.

Dakwah para rasul mempunyai matlamat yang jelas dan fikhah yang nyata, tidak keliru dan kusut. Mereka sama sekali tidak membawa manusia ke jalan bengkok yang tidak jelas matlamat dan tujuan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata".

(Surah Yusuf (12) : 108)

Firman Allah yang bermaksud:

"Segala puji terentu bagi Allah yang telah menurunkan kepada hambaNya (Nabi Muhammad), kitab suci al-Qur'an, dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang bengkok (terpesong)".

(Surah al-Kahfi (18) : 1)

6. Zuhud terhadap dunia ini dan mengutamakan akhirat.

Inilah antara sifat utama para rasul, mereka berdakwah bukan kerana hendakkan kepentingan duniawi. Hidup mereka tidaklah bermewah walaupun mereka mampu menguasai dunia ini, akan tetapi para rasul lebih mengutamakan kehidupan akhirat yang kekal abadi berbanding dunia yang fana ini. Firman Allah yang bermaksud:

"Dan apa jua (harta benda dan lain-lainnya) yang diberikan kepada kamu, maka adalah ia merupakan kesenangan hidup di dunia dan perhiasannya. Dalam pada itu, apa jua yang ada di sisi Allah (yang disediakan untuk orang-orang yang beriman dan taat) adalah lebih baik dan lebih kekal, maka mengapa kamu tidak mahu memahaminya?"

(Surah al-Qasas (28) : 60)

7. Penumpuan kepada akidah tauhid dan beriman kepada perkara ghaib.

Risalah dakwah paling pokok yang dibawa oleh semua rasul ialah mentauhidkan Allah SWT, menyatakan kepada umat manusia bahawa Allah Tuhan yang Maha Esa mencipta dan mentadbir alam ini. Hanyalah Allah tuhan sebenar yang diabdikan diri kepadaNya dan diikhhlaskan segala amalan soleh untukNya. Manakala segala bentuk kesyirikan dan perhambaan kepada manusia adalah ditentang. Allah berfirman tentang hal ini, maksudnya:

"Dan demi sesungguhnya, Kami telah mengutuskan Nabi Nuh kepada kaumnya lalu berkatalah ia: "Wahai kaumku, Sembahlah kamu akan Allah (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Oleh itu, tidakkah kamu mahu bertaqwa kepadaNya?"

2.6 BERIMAN KEPADA MALAIKAT

Beriman kepada malaikat merupakan salah satu daripada rukun iman yang enam. Berkata Syeikh Hasan Ayub (1986):

“Wajib ke atas setiap mukallaf [dari segi hukum syarak] beriman dengan malaikat. Yakni beriman dengan iktikad yang jizam bahawa malaikat itu wujud dan mereka adalah makhluk yang mulia, tidak pernah melanggar perintah Allah dan mereka membuat segala apa yang diperintahkan oleh Allah. Para malaikat boleh menyerupai beberapa rupa yang baik-baik dan mereka bukan lelaki dan bukan perempuan. Oleh itu sesiapa yang berkata malaikat adalah perempuan maka dia kufur dan sesiapa yang berkata mereka itu lelaki maka dia fasik yakni berdosa dan jadi orang fasik. Para malaikat tidak berkahwin, tidak makan, tidak minum dan tidak tidur serta mempunyai berbagai-bagai tugas. Ada malaikat yang bertugas menanggung ‘Arasy, ada yang bertugas menurunkan wahyu, ada yang bertugas mencatat amal manusia, ada yang bertugas mencabut nyawa yang diketuai oleh malaikat maut, ada yang bertugas menurunkan rezeki yang diketuai oleh malaikat Mikail, ada yang bertugas menjaga syurga yang diketuai oleh malaikat Ridwan, ada yang bertugas menjaga neraka yang diketuai oleh malaikat Malik dan ada yang bertugas menyoal mayat di dalam kubur. Terdapat beberapa nama malaikat yang disebutkan di dalam al-Qur’an seperti Jibril dan Mikail”.

Antara dalil wajib beriman dengan malaikat adalah seperti berikut:

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan malaikat-malaikatNya, dan kitab-kitabNya, dan rasul-rasulNya, dan juga hari akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh”.

(Surah al-Nisa’ (4) : 136)

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan malaikat-malaikatNya, dan kitab-kitabNya, dan rasul-rasulNya”.

(Surah al- Baqarah (2) : 285)

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari akhirat, malaikat-malaikat, kitab-kitab, dan nabi-nabi”.

(Surah al- Baqarah (2) : 177)

Sabda Rasulullah SAW berkenaan persoalan iman setelah ditanya oleh malaikat Jibril, maksudnya:

“Bahawa kamu beriman kepada Allah dan para malaikatnya dan kitab-kitabnya, dan rasulnya-rasulnya, dan hari akhirat, dan qadar baik dan buruknya”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

2.6.1 Hukum Mengingkari Kewujudan Malaikat

Dalil-dalil tentang wujudnya malaikat adalah jelas di dalam al-Qur’an, sunnah dan ijmak, maka orang yang mengingkari adanya malaikat dihukumkan kafir. (Muhammad Rabi’ Muhammad Jauhari, 2004).

2.6.2 Penciptaan Malaikat

Malaikat dicipta daripada cahaya seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Malaikat itu dicipta daripada nur (cahaya), jin diciptakan daripada api, dan Adam diciptakan daripada apa yang telah diterangkan kepada kamu”.

(Riwayat Muslim)

Menurut Haji Said bin Haji Ibrahim (2000) berkenaan kejadian malaikat:

“Malaikat suatu alam yang halus dan termasuk dalam alam yang ghaib tidak dicapai oleh pancaindera insanियah dan malaikat itu tidak termasuk dalam golongan yang wujud jasmaniyyahnya iaitu tidak dapat dilihat, diraba, didengar, dicium dan dan dirasa. Malaikat hidup dalam suatu alam yang berbeza dengan kehidupan alam yang dirasakan oleh manusia. Dengan sebab itulah malaikat tidak pernah dilihat oleh manusia. Perihal keadaan dan dan hakikat yang sebenarnya malaikat itu tidak siapa pun yang dapat mengetahuinya kecuali Allah SWT sahaja”.

2.7 BERIMAN KEPADA HARI KIAMAT

Beriman kepada hari kiamat ialah mempercayai bahawa kehidupan manusia di dunia ini akan berakhir dengan kehancuran alam ini dan digantikan dengan kehidupan baru di negeri akhirat. Dalam perkataan lain, Allah SWT akan membangkitkan semua manusia dari kubur lalu dihimpunkan di Padang Mahsyar untuk dihisab amalan masing-masing dan diberi pembalasan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) hari (ketika) ditiup sangkakala, maka terkejutlah segala yang ada di langit dan segala yang ada di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah SWT. Dan semua akan datang menghadapNya dengan merendahkan diri”.

(Surah al-Naml (27) : 87)

2.7.1 Masa Berlakunya Hari Kiamat

Bilakah akan berlakunya hari kiamat adalah suatu persoalan yang hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja. Tiada seorang manusia pun yang tahu bilakah akan berlakunya Hari Kiamat. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“ Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang hari kiamat: “ Bilakah masa datangnya?’ Katakanlah: “ Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanku, tidak ada sesiapa pun yang dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan Dia”.

(Surah al-A'araf (7) : 187)

Oleh itu, ramalan-ramalan para pengkaji atau golongan saintis tentang tarikh tertentu kononnya akan berlaku hari kiamat adalah tertolak sama sekali. Umat Islam hendaklah berpegang teguh bahawa perkara tersebut adalah termasuk dalam perkara *ghaibiyat* yang tersembunyi daripada pengetahuan manusia.

2.7.2 Tanda-Tanda Hari Kiamat

Walaupun manusia tidak diberitahu bilakah akan berlaku hari kiamat, namun atas kemurahan rahmat Allah SWT, manusia telah dimaklumkan tentang tanda-tanda akan hampir berlakunya hari kiamat. Ini memberi peluang kepada manusia untuk membuat amal kebajikan sebanyak-banyaknya sebelum datang hari kemusnahan tersebut. Para ulama' membahagikan tanda-tanda hari kiamat kepada dua bahagian iaitu:

2.7.2.1 Tanda-Tanda Kecil

Tanda-tanda kecil hari kiamat sangat banyak disebutkan dalam hadis-hadis Rasulullah SAW antaranya:

Maksudnya:

“Daripada Sayyidina Anas r.a beliau berkata, aku mendengar bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya antara tanda-tanda dekatnya hari kiamat ialah diangkat ilmu pengetahuan, banyaknya kejahatan, banyaknya perzinaan, banyaknya minuman arak, sedikit kaum lelaki dan banyak kaum perempuan sehingga lima puluh orang perempuan menepati seorang lelaki”.

(Muttafaqun 'alaih)

Maksudnya:

“Tidak akan berlaku hari kiamat sehingga diangkat ilmu pengetahuan, banyak berlaku gempa bumi, masa menjadi singkat, muncul bermacam-macam fitnah dan banyak berlaku al-Haraj iaitu pembunuhan, dan harta benda di sisi kamu menjadi melimpah-ruah”.

(Riwayat Ibnu Majah)

2.7.2.2 Tanda-Tanda Besar

Tanda-tanda besar hari kiamat bolehlah disimpulkan seperti berikut:

1. Naik matahari dari arah barat

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Tidak akan tiba hari kiamat sehinggalah matahari terbit dari arah barat. Apabila matahari telah terbit dari arah barat, maka berimanlah seluruh manusia. Beriman di saat itu tidak ada gunanya lagi bagi mereka itu, di mana sebelumnya mereka tidak pernah beriman, dan tidak pernah pula berbuat kebajikan dalam keimanannya”.

(Riwayat Bukhari, Muslim dan Abu Daud)

2. Keluar sejenis binatang dari bumi (*Dabbatul Ardh*)

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan apabila sampai masa berlakunya hukuman ke atas manusia, Kami keluarkan untuk mereka sejenis binatang dari bumi, yang akan menyatakan kepada mereka, bahawa manusia telah tidak meyakini ayat-ayat keterangan dan pengajaran Kami”.

(Surah al-Naml (27) : 82)

3. Munculnya Imam al-Mahdi

Sayyid Sabiq (1992) menyebutkan ciri-ciri Imam al-Mahdi:

“Kesimpulan tentang Imam al-Mahdi ialah; beliau akan muncul pada akhir zaman dan namanya ialah Muhammad bin Abdullah atau Ahmad bin Abdullah. Beliau berketurunan Rasulullah SAW (ahl al-Bait) dari Sayyidah Fatimah. Akhlaknya menyerupai akhlak Rasulullah SAW namun rupanya parasnya tidak seperti rupa Nabi SAW. Dahinya luas, hidungnya mancung dan beliau akan memenuhi bumi dengan keadilan dan kesaksamaan sebagaimana sebelumnya bumi dipenuhi kezaliman dan penindasan. Beliau akan menegakkan syariat Islam dan menghidupkan semula sunnah Rasulullah SAW yang selama ini telah ditinggalkan. Semasa zamannya agama Islam menjadi tinggi dan teguh sehingga tersebar ke seluruh pelosok dunia. Kehidupan pada zamannya menjadi senang dan harta melimpah-ruah kesan daripada keadilan yang ditegakkannya. Semasa hayatnya Dajjal akan keluar dan selepas itu akan turun Nabi Isa a.s. lalu keduanya bersama-sama memerangi Dajjal. Beliau akan memimpin selama tujuh tahun dan kemudiannya wafat lalu disembahyangkan jenazahnya oleh kaum muslimin”.

4. Keluarnya Dajjal

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Semenjak Adam diciptakan sehingga berlakunya kiamat, tidak ada perkara (cubaan) yang lebih besar selain dari fitnah Dajjal".

(Riwayat Muslim)

5. Turunnya Nabi Isa a.s

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Demi zat yang jiwaku dalam kekuasaanNya, sesungguhnya hampirlah putera Maryam akan turun dalam lingkungan kamu sekalian dan menjadi pemerintah yang adil. Maka beliau akan mematahkan salib, membunuh babi dan menghapuskan cukai. Pada masa itu, harta melimpah-ruah sehingga tidak seorang pun yang mahu menerimanya, sehingga satu kali sujud itu lebih baik daripada dunia dan segala isinya".

(Muttafaqun 'alaih)

6. Keluarnya Yakjuj dan Makjuj

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Mereka berkata: "Wahai Zulqarnain, sesungguhnya kaum Yakjuj dan Makjuj sentiasa melakukan kerosakan di bumi; oleh itu, setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu (dari hasil pendapatan kami) dengan syarat engkau membina sebuah tembok antara kami dengan mereka?".

(Surah al-Kahfi (18) : 94)

2.8 BERIMAN KEPADA QADA' DAN QADAR

Menurut Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan jumhur ulama' Ahli Sunnah wal Jama'ah, makna dua perkataan tersebut ialah:

Qada' ertinya iradah Allah SWT pada azali (sedia kala) yang bergantung [berkait] dengan sesuatu, menepati dengan apa yang didapati setelah diadakan.

Qadar pula maknanya sesuatu [berlaku] menurut apa yang ditentukan oleh qada'nya dalam keadaannya, sifatnya, masanya, kedudukannya dan sebab-sebabnya. Misalnya Allah berkehendak pada azali menjadikan manusia di bumi, ini dinamakan qada'. Ia benar-benar menjadikan manusia berada di muka bumi tepat dengan apa yang ditentukan oleh qada'nya, ini dinamakan qadar.

2.8.1 Hukum Beriman Dengan Qada' Dan Qadar

Beriman kepada Qada' dan Qadar hukumnya adalah wajib kerana ia adalah salah satu daripada rukun iman. Dalil wajib beriman kepada Qada' dan Qadar adalah sangat banyak antaranya, firman Allah SWT yang bermaksud:

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu apapun melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah kepada kami.

Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakkal".

(Surah al-Taubah (9) : 51)

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan)".

(Surah al-Qamar (54) : 49)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"[Iman itu ialah] kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, hari akhirat dan kamu beriman kepada takdir yang baik mahupun yang buruk".

(Riwayat Muslim)

2.8.2 Ikhtiar Dan Tawakkal

Beriman kepada qada' dan qadar tidak menafikan kewajipan berusaha dan berikhtiar. Berkata Muhammad Naim Yasin (2002):

"Wajib dipasakkan ke dalam fikiran kita bahawa kita diperintahkan agar mengambil sebab musabab di samping bertawakkal kepada Allah 'Azza wa Jalla dan beriman bahawa alam seluruhnya berada di dalam kekuasaan Allah. Kita juga disuruh beriman bahawa usaha dan ikhtiar kita tidak memberi kesan apa-apa kecuali dengan izin Allah. Maka Allah yang mencipta segala sebab itu, dan Allah jugalah yang mencipta kesan dan natijah sesuatu. Oleh itu, sesiapa yang inginkan anak yang soleh maka tidak dapat tidak, dia mestilah mengambil sebab (berusaha dan berikhtiar) iaitu berkahwin. Boleh jadi perkahwinan tersebut mungkin membuahkan hasil iaitu lahirnya anak dan mungkin juga tidak membuahkan hasil. Perkara tersebut bergantung kepada iradah Allah Ta'ala dan kehendakNya yang Maha Halus.

Allah berfirman yang bermaksud: "Bagi Allah jualah hak milik segala apa yang ada di langit dan di bumi; Ia menciptakan apa yang dikehendakiNya; Ia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Atau Ia mengurniakan mereka kedua-duanya yakni anak-anak lelaki dan perempuan, dan Ia juga menjadikan sesiapa yang dikehendakiNya mandul. Sesungguhnya Ia Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa".

(Surah al-Syura (42) : 49-50)

Oleh hal yang demikian, diharamkan kepada seorang muslim itu meninggalkan mengambil sebab [yakni tidak mahu berusaha dan berikhtiar]. Jika seseorang itu tidak berusaha untuk mencari rezeki [dengan anggapan bahawa rezekinya telah ditentukan Allah], maka dia telah berdosa".

2.8.3 *Ibtala'*

Baik dan buruk dalam perkara qada' dan qadar adalah sekadar sebutan pada lidah manusia sahaja tetapi di sisi Allah semuanya adalah baik dan kita disuruh beriman bahawa semuanya adalah baik-baik belaka kerana apa yang berlaku mempunyai tujuan dan hikmah tertentu antaranya sebagai suatu *ibtala'* (ujian) kepada manusia (Haji Abdul Hadi bin Awang, 1991). Allah berfirman yang bermaksud:

"Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai ujian dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan".

(Surah al-Anbiya' (21) : 35)

Antara signifikan beriman kepada qada' dan qadar Allah SWT adalah seperti berikut:

1. Redha dengan ketentuan Allah

Orang mukmin yang ditimpakan sesuatu musibah mengerti bahawa apa yang dihadapinya adalah taqdir Allah, maka dia akan sabar, bermuhasabah diri dan berserah kepada ketentuan Allah dengan lapang dada.

2. Kuat berusaha dan gigih

Orang mukmin percaya bahawa rezekinya dikurniakan Allah, maka dia akan berusaha dengan gigih untuk mendapatkannya dengan penuh keyakinan bahawa jika Allah sudah menentukan rezekinya maka tiada siapa yang dapat menghalangnya untuk mendapatkan rezeki tersebut.

3. Tidak takut dengan gangguan makhluk

Orang mukmin yakin bahawa hanya Allah sahaja yang boleh memberi manfaat dan mudarat. Jika Allah sudah mentakdirkan dirinya selamat, maka tiada siapa yang mampu untuk memberi keburukan kepadanya.

4. Tidak berdukacita atas kehilangan sesuatu

Orang mukmin yang kehilangan sesuatu yang disayangnya tidak akan menyesal dan berdukacita kerana kesemuanya itu diyakini sebagai suatu ketentuan Allah yang terbaik untuknya.

5. Mendapat pahala dan ganjaran syurga

Orang mukmin percaya bahawa ketika dia ditimpa suatu malapetaka dan musibah, dia sabar dan redha, maka dia akan dikurniakan pahala yang besar dan dijanjikan balasan nikmat syurga oleh Allah.

2.9 KESIMPULAN

Akidah merupakan perkara yang paling asas dalam kehidupan seorang muslim. Setiap muslim mesti menguasai ilmu akidah yang sahih berdasarkan manhaj Ahli Sunnah wal Jama'ah. Tanpa akidah yang benar, amal ibadah tidak akan sah apatah lagi diterima oleh Allah SWT. Akidah yang mantap merangkumi penguasaan dan penghayatan rukun iman yang enam itu akan menghasilkan peribadi muslim yang cemerlang dari segi syariah, ibadah dan akhlakunya.

RUJUKAN

- Ab. Latif B. Muda & Rosmawati Ali@Mat Zin. (1998). *Pengantar Ilmu Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abu al-Baqir al-Burhami al-Fathani. (2005). *Panduan Fardhu Ain Lengkap*. Kota Bharu: Al-Baqir Enterprise.
- Dr. Akli Ahmad. (2015). *Risalah Fikriyyah Menghuraikan Matan Jauharah*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Haji Abdul Hadi bin Awang. (1989). *Beriman Kepada Rasul*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Haji Abdul Hadi bin Awang. (1991). *Beriman Kepada Qada' Dan Qadar*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Hj. Said bin Hj. Ibrahim. (2000). *Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Kuala Lumpur: Darul Makrifah.
- Hasan Ayyub. (1986). *Tabsit al-'Aqid al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Turath al-'Arabi li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- K.H. Sirajuddin Abbas. (1978). *I'tiqad Ahlussunnah wal Jama'ah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Muhadir Haji Joll. (2018). *Sifat 20: Suatu Pengenalan Asas*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Muhammad Naim Yasin. (2002). *Al-Iman: Arkanuhu, Haqiqatuhu, Nawaqituhu*. Kaherah: Maktabah al-Ilmu: Kaherah.
- Muhammad Rabi' Muhammad Jauhari. (2004). *Aqidatuna*. Kaherah: Jamiah al-Azhar.
- Raja Ahmad Mukhlis Bin Raja Jamaludin. (2009). *Menjiwai Tauhid, Memurnikan Diri*. Bangi: Pelima Media Sdn. Bhd.
- Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih. (2000). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.

Syeikh Ibrahim al-Laqqoni. (2000). *Jauharoh al-Tauhid*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.

Syeikh Nawawi al-Bantani. (1996). *Nur al-Zolam Syarh Manzumah 'Aqidah al-'Awam*. Beirut: Dar al-Hawi.

Sayyid Sabiq. (1992). *al-'Aqid al-Islamiyyah*. Kaherah: Al-Fath Li al-'I'lam al-'Arabiy.